

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.04.2015

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada kejatuhan ringgit kepada Dollar Amerika Syarikat adalah disebabkan spekulasi oleh Tong Kooi Ong dan jika tidak, apakah alasan-alasan ringgit yang semakin lemah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Mata wang serantau yang lain turut mengalami penyusutan nilai antara 1.1% sehingga 10.1%

berbanding dolar AS bagi tempoh September 2014 hingga 5 Mac 2015. Pengukuhan dolar AS ini adalah disebabkan oleh prospek ekonomi AS yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut mengalami kesan ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia.

2. Dalam mengikuti pergerakan nilai mata wang ringgit, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa berwaspada terhadap aktiviti yang menimbulkan gangguan dalam pasaran pertukaran mata wang asing bagi memastikan ringgit tidak terdedah kepada serangan spekulasi. Sehubungan itu, BNM melakukan pemantauan harian terhadap pasaran mata wang bagi memastikan pergerakan pasaran mata wang adalah teratur. Bank-bank di Malaysia juga adalah dilarang daripada membenarkan seseorang individu mahupun syarikat korporat daripada mengambil kedudukan menjual singkat, dengan izin, *short selling* ringgit Malaysia kerana ini tidak dibenarkan berdasarkan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing.

3. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, aktiviti purata harian bagi pasaran mata wang Malaysia juga adalah besar dan berjumlah dolar AS 11.8 bilion pada tahun 2014. Oleh itu, jika berdasarkan jumlah transaksi yang sebegitu besar, kemungkinan bagi seseorang individu untuk mempengaruhi nilai ringgit adalah amat kecil.